

11/04/1997

Menteri Luar Cuba kunjung PM

KUALA LUMPUR, Khamis - Menteri Luar Cuba Roberto Robaina Gonzales petang ini membuat kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertemuan 20 minit itu diadakan di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Pada sebelah pagi, Gonzales mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat.

Gonzales tiba di ibu negara semalam untuk lawatan lima hari ke Malaysia.

Sementara itu, satu kenyataan Wisma Putra menjelaskan Malaysia dan Cuba mempunyai hubungan diplomatik dan bukan sebaliknya seperti dilaporkan hari ini.

Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ditauliahkan serentak ke Cuba manakala Duta Besar Cuba di Laos ditauliahkan ke Malaysia. - Bernama

(END)